

Soalan No: 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]****TARIKH : 2.11.2017****SOALAN :**

Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf Sekolah Menengah Kerajaan Lubok Antu dinaik taraf kepada tingkatan enam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, daerah Lubok Antu, Sarawak mempunyai sebuah Pusat Tingkatan Enam mod 3 iaitu di SMK Engkilili yang memulakan pengambilan murid Tingkatan Enam bawah mulai tahun 2014. Jarak SMK Engkilili dengan SMK Lubok Antu ialah 42 km dan SMK Lubok Antu merupakan sekolah saluran kelas Tingkatan Enam bagi SMK Engkilili.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian belum bercadang melaksanakan peluasan Pusat Tingkatan Enam di daerah Lubok Antu. Bilangan pelajar Tingkatan Enam Penggal 1 SMK Engkilili yang menetap di sekitar Lubok Antu dan tinggal di asrama ialah seramai 34 orang dan pelajar Tingkatan Enam Penggal 3 berjumlah 35 orang.